

## BAB LIMA

## PENUTUP

## 5.1. Pendahuluan

Dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan berkaitan hukum-hakam syarak, para ulama mempunyai metod mereka yang tersendiri. Dalam perbincangan isu *tafīq* dalam muamalat di dalam disertasi ini, kita telah didedahkan dengan pelbagai pendekatan para ulama dalam menyingkapinya. Begitu juga dalam persoalan *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* di zaman moden ini.

## 5.2. Rumusan kajian

Hasil kajian ini dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

- a) Konsep *tafīq* yang menjadi fokus perbincangan utama di dalam disertasi ini menurut pengertiannya di dalam *uṣūl al-fiqh* ialah perbuatan mencampurkan pelbagai pendapat mazhab dalam sesuatu masalah; atau mengamalkan pendapat pelbagai mazhab dengan tidak terikat kepada pendapat satu mazhab dalam segala masalah.
- b) Antara faktor yang mendorong kemunculan isu *tafīq* ialah dakwaan sesetengah pihak bahawa pintu ijihad telah tertutup, oleh itu sebarang usaha ijihad baru yang menggabungkan pelbagai pendapat mazhab menurut mereka adalah *tafīq*. Antara faktor lain ialah *darūrat*, tuntutan peredaran zaman, pengenakmenan undang-undang syarak, suasana politik, menurut hawa nafsu, fatwa mufti dan *ittibā'* (mengikut pendapat orang lain berdasarkan dalilnya).

c) Antara istilah yang berkait rapat dengan *tafīq* ialah *taqlīd*, *ittibā'*, *tarjīh*, *tatabbu'* *rukhaṣ* dan *takhayyur*. *Taqlīd* adalah pencetus isu *tafīq* kerana dengan *tafīq* bererti seseorang itu telah menggabungkan pendapat beberapa mazhab di dalam sesuatu permasalahan yang mempunyai rukun atau bahagian yang masing-masing mempunyai hukum-hukumnya tersendiri<sup>1</sup>. Manakala hubungan *ittibā'* dengan *tafīq* ialah seorang *muttabi'* (orang yang melakukan *ittibā'*) tidak melakukan *taqlīd*. Seseorang *muttabi'* berkemungkinan akan melakukan *tafīq* dalam sesetengah perkara jika beliau mengikuti kesahihan dalil dan pentarjīhan serta meninggalkan pendapat mazhabnya dalam kes-kes tertentu. *Tarjīh* juga mempunyai kaitan rapat dengan *tafīq* kerana orang yang melakukan *tarjīh* (*murajjiḥ*) yang tidak terikat dengan sesuatu mazhab merupakan salah satu daripada bentuk *tafīq* menurut mereka yang mewajibkan *taqlīd*.

Hubungan antara *tatabbu'* *rukhaṣ* dengan *tafīq* dapat dilihat apabila seseorang itu melakukan *tatabbu'* *al-rukhaṣ* sudah pastinya dia melakukan *tafīq*. Ini kerana dia tidak terikat dengan sesuatu mazhab, malah mengambil pendapat yang paling mudah dari setiap mazhab. *Takhayyur* pula merupakan salah satu daripada bentuk *tafīq*, kerana ianya adalah perbuatan berpindah-pindah mazhab, ataupun tidak terikat dengan satu mazhab.

d) Ruang lingkup *tafīq* hanya tertumpu di sekitar masalah ijtihad (yang diputuskan melalui ijtihad, samada melalui *qiyyas*, *istihsān*, *istiṣlāh*, *sadd dharā'i'* dan lain-lain lagi), permasalahan *furu'* dan juga yang *thābit* berdasarkan dalil-dalil *zannī* sahaja. Para ulama yang membenarkan *tafīq* bersetuju bahawa *tafīq* tidak boleh berlaku pada persoalan aqidah yang *uṣūl*, seperti persoalan *ilāhiyyah* dan *nubuwah*, hari

<sup>1</sup> al-Zuhaylī, *al-Rukhaṣ al-Syar'iyah*, h. 56.

kiamat, dan yang seumpama dengannya. *Talfiq* juga menurut mereka tidak boleh berlaku pada hukum-hukum syarak yang praktikal yang *thabit* dengan dalil *qaṭ'iyy*,

e) Penulis cenderung untuk memberikan perincian kepada hukum *talfiq* sebagai rumusan kepada *khilāf* para ulama terdahulu mengikut pembahagian hukum *taklīf* yang lima dan juga berdasarkan bentuk-bentuk *talfiq*. Pembahagian tersebut boleh dilihat seperti berikut:

i) **Wajib**

*Talfiq* menjadi wajib jika perlakuan tersebut mengikut dalil yang lebih *rājiḥ*, dan meninggalkan pendapat imam mazhab yang lebih berbentuk *ra'y* (pandangan) semata-mata seperti *qiyyās*, *istihsān* dan lain-lain lagi proses ijtihad yang lebih bersiat *zannī* Baik dari segi *thubūt* mahupun *dilālat* nya. Ataupun *talfiq* berlaku dalam kes seorang mujtahid mengikut dalil yang lebih *rājiḥ* menurut ijtihadnya. Ini berlaku kerana seorang mujtahid haram baginya *bertaqlīd*, jika mereka haram *bertaqlīd*, maka perbuatan mereka yang tidak terikat dengan mazhab-mazhab tertentu tidak dikira sebagai *talfiq*. Termasuk dalam kategori ini ialah *talfiq* yang berlaku kerana ijtihad, Baik *tarjīḥī* mahupun *insyā'i*.

*Talfiq* juga akan menjadi wajib ketika *darurat*, seperti seorang yang bermazhab Syāfi'i mengambil pendapat jumhur tentang bolehnya mengambil wudhu dari air *musta'mal* ketika ketiadaan air, dan juga mengambil pendapat Ḥanābilah dan Mālikiyah yang mengatakan menyentuh perempuan tidak membatalkan wudhu ketika ketiadaan air dan juga ketika bertawaf di masjid al-Haram, kerana mustahil

seseorang boleh menjaga dari tersentuh antara lelaki dan wanita *ajnabi* pada waktu tersebut.

### ii) Sunat

*Talfiq* menjadi sunat jika perlakuan *talfiq* tersebut membawa kepada perlakuan sunnah seperti seorang yang bermazhab Syāfi'i mengambil pendapat Mālikiyah dalam membasuh seluruh kepalanya ketika wudhu, ataupun perbuatan yang menghindari dirinya dari khilaf (*khurūj min al-khilāf*), mufti-mufti yang memberikan fatwa yang lebih ringan dan sesuai dengan hal si peminta fatwa tanpa terikat dengan mazhab-mazhab tertentu dan juga dalam memberikan fatwa yang ringan kepada orang awam.

### iii) Harus

*Talfiq* menjadi harus jika dilakukan dalam keadaan biasa yang tidak membawa kepada pembatalan perlakuan tersebut menurut semua mazhab dan tidak membawa kepada *talfiq* yang haram menurut pendapat para ulama yang mengatakan *talfiq* adalah harus, mengikut dalil yang lebih *rājiḥ* dari pandangan seorang mujtahid yang bertentangan dengan pendapat imamnya, menggubal enakmen, (yang lebih dikenali sebagai *takhayyur*). Ini kerana perbuatan tersebut mengambil kira persoalan *maṣlahah* dan kesesuaian hukum menurut keadaan dan zaman. Ia juga menjadi harus

di dalam keadaan biasa selagimana perbuatan *talfiq* tersebut tidak membawa kepada keadaan yang bertentangan dengan syarak.

**iv) Makruh**

*Talfiq* menjadi makruh jika perbuatan *talfiq* tersebut membawa kepada perlakuan yang makruh yang tidak sampai peringkat haram, Ianya juga berlaku dalam kes melakukan *tatabbu' rukhas* yang tidak membawa kepada perkara yang haram.

**v) Haram**

Semua jenis *talfiq* yang disepakati keharamannya, seperti *talfiq* yang dilakukan untuk membawa kepada perbuatan mengikut nafsu, perlakuan yang haram, dan juga perkara-perkara yang membawa kepada perlakuan mempermain-mainkan agama dan meremehkannya.

f) *Bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* ialah permintaan pembeli terhadap pihak bank untuk membeli barang tertentu, kemudian pembeli berjanji untuk membeli barang tersebut dari pihak bank secara *murābahah* dengan pemaran ansuran. Instrumen-instrumen pengoperasian *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* di BIMB tertumpu kepada tiga produknya iaitu *bay' bi thaman al-ājil* (BBA), Pembiayaan Modal Kerja (*Working Capital*) dan Surat Kredit di bawah Prinsip *al-Murābahah*.

g) Setelah melihat secara terperinci perjalanan *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* dalam ketiga-tiga instrumen BIMB, penulis telah mendapati isu *talfīq* yang terdapat dalam perlaksanaan *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* di bank-bank Islam lain berkaitan isu pewajipan penunaian janji oleh pihak pelanggan dalam akad *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* tidak terdapat di dalam perlaksanaan *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* di BIMB. Isu *talfīq* dalam pengoperasian *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* di BIMB hanya tertumpu kepada dua isu utama, iaitu :

- i) Pelanggan menjadi wakil kepada BIMB untuk menjalankan urusniaga BIMB membeli barang yang diingini pelanggan dari pihak penjual dan kemudiannya menjualkannya kepada dirinya sendiri, dan
- ii) Isu pengambilan aset cagaran dari pihak penjual di atas kontrak *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* yang berlangsung sebagai cagaran kepada pihak BIMB.

Berkaitan persoalan yang pertama, kajian mendapati BIMB tidak mempunyai fatwa yang jelas berkaitan isu tersebut, malah pengoperasian yang berlaku dalam *working Capital murābahah* adalah bertentangan dengan fatwa lajnah fatwa Dallah al-Barakah Holdings. Di atas dasar inilah penulis mencadangkan agar pihak BIMB tidak melibatkan pihak pelanggan dalam urusan yang berkaitan pihak BIMB dengan pihak pembekal dan juga pihak ketiga kerana ianya akan membawa kepada perbuatan mengambil kesempatan (*istighlāl*) ke atas pihak pembeli serta menzalimi mereka dan termasuk di dalam kategori *talfīq* yang dilarang.

Berkaitan dengan pengambilan cagaran oleh pihak BIMB pula, ianya harus demi menjaga maslahat pihak BIMB dari menanggung kerugian jika kontrak *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* dibatalkan oleh pelanggan. Pengambilan cagaran tersebut walaubagaimanapun mestilah tidak sampai menzalimi pihak pelanggan dan jika berlaku pembatalan kontrak, pihak BIMB hanya berhak memotong dari cagaran tersebut jumlah kerugian pihak BIMB sahaja dan bukan keseluruhan cagaran tersebut, kecuali jika kerugian BIMB bersamaan dengan jumlah keseluruhan cagran tersebut. Ini jugalah yang telah difatwakan oleh lajnah fatwa *Dalla al-Barakah Holdings* dan lajnah-lajnah syariah bagi institusi-institusi kewangan Islam yang lain.

### 5.3 Cadangan penulis

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan dalam disertasi ini, penulis mencadangkan agar :

- a) Konsep *talfiq* perlu difahami dari sudutnya yang positif, seperti *talfiq* di kala *dariūrah*, *talfiq* kerana usaha ijтиhad, fatwa, *ittibā'* dan juga untuk menjaga *maṣlaḥah* kaum muslimin secara umum.
- b) Masyarakat perlulah menjauhi sikap taksub kepada sesuatu *mazhab* sehingga meninggalkan dali-dalil yang lebih *rājiḥ* dan kuat hanya kerana sikap taksub dengan pendapa-pendapat *mazhab* walaupun ianya berdasarkan dali-dalil yang lemah.

- c) Pintu ijtihad hendaklah dibuka semula dan diterima oleh seluruh umat Islam. Umat Islam, terutamanya mereka yang berilmu (ulama) hendaklah berusaha untuk mencapai tahap ijtihad dan berusaha untuk berijtihad dengan syarat mereka memenuhi kelayakan seorang mujtahid. Konsep *tajzī'at al-ijtihād* hendaklah dipopularkan agar muncul lebih ramai *mujtahid juz'iyy* di kalangan umat Islam, demi menyelesaikan permasalahan-permasalahan kontemporeri yang dihadapi oleh mereka.
- d) Bagi pihak berkuasa pula, usaha memperhebatkan perlaksanaan ekonomi secara Islam dalam kehidupan umat Islam perlulah diperhebatkan. *Bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* hendaklah dipopularkan di kalangan masyarakat agar ianya menjadi alternatif bagi pinjaman kewangan secara konvensional yang dipenuhi dengan riba.
- e) Penulis juga mencadangkan agar pihak BIMB memperbaiki prosedur dan pengoperasian *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* yang mereka jalankan. Pihak BIMB mestilah memastikan agar pihak pelanggan tidak dibebankan dengan menjadi wakil mereka untuk berurusan dengan pihak ketiga. Sebarang proses lain yang mengandungi unsur-unsur *syubhat* yang mungkin tidak diketahui oleh penulis di dalam pengoperasian *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* di BIMB hendaklah dielakkan.

#### **5.4 Cadangan untuk kajian akan datang**

Berdasarkan keterbatasan ruang dalam disertasi ini, penulis mendapat wujudnya ruang-ruang untuk pengkajian terhadap permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan tajuk *talfiq* yang boleh dijalankan di masa hadapan. Antara permasalahan tersebut ialah :

- i) Kajian tentang bagaimana pemahaman terhadap *talfiq* yang positif boleh disebarluaskan di kalangan masyarakat Islam dan kepentingannya dalam kehidupan mereka, terutamanya di kalangan penuntut agama.
- ii) Kajian terhadap hukum *talfiq* dalam bidang-bidang lain seperti ibadat, munakahat, jinayat dan lain-lain lagi serta pengaplikasiannya di zaman moden.
- iii) Kajian terhadap ijtihad dan peranannya dalam menangani permasalahan-permasalahan kontemporari yang berkaitan dengan sains dan teknologi.
- iv) Kajian terhadap konsep *ittibā'*, kepentingannya dan bagaimana hendak menyebarluaskan kefahaman mengenainya di kalangan masyarakat Islam, serta pengaplikasiannya dalam kehidupan mereka.
- v) Kajian terhadap mekanisme untuk menghapuskan sifat taksub kepada sesuatu mazhab di kalangan masyarakat Islam, serta kajian terhadap mekanisme untuk melahirkan para mujtahid di kalangan umat Islam di zaman moden.

vi) Kajian tentang kewujudan *tafīq* dalam instrumen-instrumen kewangan Islam selain *bay' murābaah li al-āmir bi al-syirā'* di BIMB dan bank-bank yang menjalankan sistem perbankan tanpa faedah yang lain.

## 5.5 Penutup

Sesungguhnya kajian ini tidak lepas dari beberapa kelemahan. Oleh itu adalah menjadi harapan agar kajian-kajian akan datang dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut. Semoga pemahaman tentang *tafīq* di kalangan masyarakat Islam di Malaysia tidak hanya dilihat dari sudutnya yang negatif semata-mata. Penulis juga berharap agar umat Islam lebih terbuka dalam persoalan muamalah selagimana ianya tidak membawa kepada pelakuan yang diharamkan oleh syarak melalui dalil-dalil yang *qat'iyy*.